



AMIRUDIN SAHRI / BERITA HARIAN

**PANTAU KEADAAN:** Keizrul (kanan) melihat peta projek Smart bersama Saw (kiri) sambil disaksikan Azmi ketika melawat tapak projek berkenaan di Kuala Lumpur, semalam.

# Smart siap tahun depan

**K**UALA LUMPUR: Projek Pembinaan Terowong Pengurusan Air Banjir dan Lalu Lintas (Smart) sepanjang 9.7 kilometer (km) di sini yang mampu menangani masalah banjir di Lembah Klang, sudah 78 peratus siap dan dijangka beroperasi pertengahan tahun depan.

Ketua Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Datuk Keizrul Abdullah, berkata mesin gerudi pertama, Mesin Gemilang yang menjalankan operasi di selatan sudah mencapai permukaan manakala Mesin Tuah dari arah utara dijangka menyelesaikan kerja menggerudi akhir tahun ini.

Katanya, Mesin Tuah yang beroperasi sejak Mei 2004, menggerudi jarak 2,565 meter, manakala Mesin Gemilang yang mula digunakan pada Ogos 2004, melakukan kerja sama sejauh 3,466 meter.

“Kini tinggal 2.8km lagi yang perlu digerudi daripada keseluruhan terowong sepanjang 9.7km. Selepas itu, kita akan memulakan kerja teknikal dan mekanikal sebelum terowong itu dapat digunakan pertengahan tahun depan,” katanya pada pemberita selepas melawat tapak projek itu di sini, semalam.

Hadir sama, Pengarah Projek Tebatan Banjir Kuala Lumpur JPS, Saw

Hin Seang dan Pengarah Eksekutif Gamuda Bhd, Datuk Azmi Mat Nor.

Projek berkenaan sebelum ini dilaporkan tidak dapat disiapkan mengikut jadual iaitu akhir tahun ini berikutan Mesin Tuah mengalami kerosakan.

Smart adalah projek terowong bawah tanah dari Sungai Ampang dan Sungai Klang melalui Kampung Pandan, Lebuhraya Utara-Selatan dekat Sungai Besi ke kolam tadahan di Desa Water Park, Taman Danau Desa sebelum disalurkan ke Sungai Kerayong.